



## **Assalamualaikum!**

**Nama saya Zahazan Mohamed**

Saya di sini kerana-Nya...

Anda boleh temui saya di

<https://www.facebook.com/zahazanmohamed/>

**Sesungguhnya pada diri Rasulullah ada suri teladan yang baik bagimu yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat dan banyak menyebut Allah.☒**

(Al-Ahzab: 21)

## Keunggulan Peribadi Seorang Sarjana

Pembentangan ini menjadikan kata-kata dan tindakan Rasulullah SAW sebagai sumber isi kandungan.

Ia memberi fokus kepada 3 elemen utama kesarjanaan dalam diri Baginda iaitu:

- Keperibadian seorang Sarjana
- Sarjana dan persekitaran
- Kepimpinan Kesarjanaan




1

# Keperibadian seorang Sarjana

Personality is to a man what Perfume is to a  
flower – Charles M. Schwab

**(Muhammad adalah) seorang lelaki yang jujur dan setia. Jujur dalam perbuatan, perkataan dan pemikirannya... Seorang lelaki yang pendiam apabila tiada apa yang harus dikatakan, tetapi bijak dan tulus dalam berbicara. Beliau selalu menerangi & memberi pencerahan pada setiap persoalan...**



- Thomas Carlyle, *On Heroes, Hero-Worship, and the Heroic in History*, 1841

# Keperibadian Seorang Sarjana

## 1. Berilmu

- Ilmu yang memancar cahaya akan memberikan kekuatan lalu mewujudkan kerendahan hati dan kesungguhan untuk terus belajar
- *Iman tanpa ilmu bagaikan pelita di tangan bayi. Namun ilmu tanpa iman, bagaikan pelita di tangan pencuri* - Buya Hamka

## 2. Menjaga kesihatan dan mengurus masa

- Kesihatan bukanlah segalanya tetapi segalanya seakan menjadi tidak beerti tanpa kesihatan.
- Masa pula tidak dapat disewa dan dipinjamkan. Yang hanya boleh dilakukan ialah memaksimumkan penggunaannya



7

# Keperibadian Seorang Sarjana

## 3. Berfikir & Melaksanakan apa yang difikir

- Anda adalah apa yang anda fikir dan lakukan.
- Berfikir positif terhadap Allah merupakan landasan keimanan yang menjadi sumber asas yang menjiwai fikiran-fikiran positif yang lain.

## 4. Disiplin dan Istiqamah

- Amalan yang paling disukai oleh Rasulullah ialah amalan baik yang dilakukan secara berterusan. Disiplin dan istiqamah menjadikan hidup lebih terarah.




8

# Keperibadian Seorang Sarjana

## 5. Memantapkan Niat

- Niat adalah ruh amal, inti dan sendinya. Amal itu mengikut niat. Amal menjadi benar kerana niat yang benar. Amal menjadi rosak kerana niat yang rosak. Namun niat yang baik perlu didasari dengan ilmu juga bagi mengelakkan amalan yang menyimpang.
- Niat menjadikan setiap kehendak dan perbuatan menjadi lebih bernilai.



9

# Keperibadian Seorang Sarjana

## 6. Kesusahan dan Kesenangan

- Mereka yang berjaya tidak menjadikan kesusahan sebagai halangan dan lalai dengan kesenangan.
- Barangsiapa yang dikehendaki Allah kebaikan, maka dia akan diuji. (HR Bukhairi)

## 7. Harapan & Keyakinan

Nabi SAW melarang bersikap pesimis. Dari Ibn Masu'd, *"Dosa besar yang paling besar adalah menyekutukan Allah, merasa aman dari makar Allah, putus asa terhadap rahmat Allah, dan putus harapan terhadap kelapangan dari Allah."* (HR At-Tabrani)



10

# Keperibadian Seorang Sarjana

## 8. Berusaha

- Usaha akan meningkatkan kepercayaan orang lain dan menaikkan harga diri sendiri.
- Firman Allah, "Dan katakanlah, Bekerjalah kalian, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat kalian." (At-Taubah: 105)

## 9. Sabar & Syukur

"Sungguh, amat mengagumkan keadaan seorang mukmin kerana semua urusan baik baginya. Apabila beroleh kenikmatan dia bersyukur, sehingga ini menjadi kebaikan baginya. Seandainya ditimpa musibah dia bersabar, hal itu menjadi kebaikan baginya." (HR Muslim)

## 10. Sederhana ketika Senang

- Kayu ukur kesederhanaan pulalah menerusi manusia paling sederhana di dunia iaitu Rasulullah SAW.
- "Kekayaan bukanlah pada banyaknya harta, tetapi oleh kayanya jiwa" (HR Bukhari)



11

2

## Sarjana dan Persekitaran

Teladan yang baik merupakan khutbah yang jitu...


**Tidak mungkin mereka yang mempelajari karakter Nabi – yang mengetahui bagaimana Baginda mengajar dan menjalani hidup – kecuali akan menghormati kemuliaan Nabi yang agung ini...**



- Annie Besant, *The Life and Teachings of Muhammad*, Madras, 1932

# Sarjana dan Persekitaran

## 1. Salam & Sapa



# Sarjana dan Persekitaran

## 2. Senyuman

*"Tersenyumlah ketika bertemu dengan saudara kalian dan itu termasuk dalam ibadah"*

Menurut al-Hussein, ayahnya memberitahu bahawa Baginda sentiasa tersenyum, berbudi dan rendah hati. Baginda tidak kasar, tidak suka berteriak, bukan tukang cela, tidak suka mencela makanan yang tidak disukainya. Siapa sahaja yang mengharapkan pasti tidak kecewa dan siapa sahaja yang memenuhi undangannya pasti akan berasa puas (mafhum HR At-Tirmizi)



15

# Sarjana dan Persekitaran

## 3. Bersikap Jujur

- *"Jujur adalah ketenangan dan bohong adalah kebimbangan"* (HR At-Tirmizi)
- Kejujuran akan menyebabkan seseorang dihormati bukan sahaja oleh sahabat dan orang sekelilingnya tetapi turut mendapat kehormatan daripada para musuhnya.


## 4. Menghindari sikap 'tunjuk pandai'

- Tunjuk pandai ialah kesombongan yang didasari oleh kebodohan.
- *"Seburuk-buruk umatku adalah yang banyak bercakap, bercakap besar dan berlagak pandai"* (HR Ahmad)
- *"Penawar penyakit al-'iyyu adalah dengan bertanya dan belajar"* (HR Abu Dawud)



16





## Kata hikmah

He who knows and knows that he knows is a wise man; **FOLLOW** him

He who knows and knows not that he knows is asleep; **WAKE** him.

He who knows not and knows that he knows not is a student; **TEACH** him

He who knows not and knows not that he knows not is a fool; **AVOID** him.

17

# Sarjana dan Persekitaran

## 5. Rasa Malu

- Malu adalah kayu pengukur nilai moral dalam diri seseorang.
- "Setiap agama mempunyai etika, dan etika (utama agama) Islam ialah malu." (HR Ibn Majah)

## 6. Simpati & Empati

- Walaupun Nabi SAW seorang tokoh yang agung, beliau tetap menunjukkan kesedihan dan kasih sayang dengan menintiskan air mata apabila melihat para sahabat yang gugur di medan perang.
- Menonjolkan simpati dan empati akan membuatkan orang sekeliling menyenangkan dan menghargai kita.

## 7. Maaf Memaafi

- "Memberi maaf menambah kemuliaan, rendah hati dan menambah ketinggian..." (HR Muslim)

Kelebihan memaafkan:

- Menumbuhkan harapan
- Meningkatkan kepercayaan diri
- Kesihatan dan Kebahagiaan
- Memperkuatkan kesabaran




18

# Sarjana dan Persekitaran

## 8. Mengendalikan amarah

- *"...Orang yang kuat itu mampu menguasai diri ketika marah."* (HR Bukhari)
- *"It is wise to direct your anger towards problems – not people; to focus your anergies on answers – not excuses"* – William Arthur Ward, *Fountains of Faith*)



19

# Sarjana dan Persekitaran

## 9. Dermawan

*"Maka barang siapa memberikan (hartanya di jalan Allah) dan bertakwa, dan membenarkan (adanya pahala) yang terbaik (syurga) maka akan Kami mudahkan baginya jalan menuju kemudahan (kebahagiaan).*

*Dan adapun orang yang kikir dan merasa dirinya cukup (tidak perlu pertolongan Allah) serta mendustakan (pahala) yang terbaik maka akan Kami akan mudahkan baginya jalan menuju kesukaran (kesengsaraan)"* (Al-lail: 5-10)

## 10. Kasih Mengasihi

- *"Demi zat yang jiwaku berada dalam genggamannya, kamu sekalian tidak akan masuk syurga sebelum beriman, dan kamu sekalian tidaklah beriman sebelum saling mencintai (berkasih sayang)." (HR Muslim)*
- Cinta dan kasih sayang perlu didasari iman di samping tahu batas yang diizinkan oleh Islam lalu berusaha mengekang nafsu syahwat.



20

# Sarjana dan Persekitaran


## 11. Berbudi

"Sebaik-baik manusia di antaramu adalah yang paling banyak manfaatnya kepada orang lain (sesamanya). (HR Tabrani)

"Seseorang disegani dan dihormati adalah kerana apa yang diberikannya, bukan apa yang diperolehinya." - Calvin Coolidge, Bekas Presiden Amerika ke-30.

## 12. Menjaga nama baik diri dan orang lain

"Karakter orang hebat adalah kekuatannya untuk meningkatkan kesan yang tidak terlupakan kepada orang yang ditemuinya" - Winston Churchill, Negarawan Inggeris




21

# Sarjana dan Persekitaran

## 13. Mempertahankan kebenaran

Sifat manusiawi perlu berpandukan hujah agama kerana ia bukan penanda kebenaran.

Contohnya, kesedihan tidak menjadikan Nabi menyalahkan tuhan dan berputus asa. Kebahagiaan tidak membuat Baginda lalai dan lupa diri. Kemarahan tidak menyebabkan Nabi berkata keji dan berbuat sesuka hati. Kebencian tidak menyebabkan Nabi berlaku zalim dan bertindak sewenang-wenangnya.




22

3

# Kepimpinan Kesarjanaan

*Good leaders must first become good servants*

**Muhammad merupakan orang pertama terpenting dan teragung sebagai tokoh sejarah. Pilihan saya mungkin mengejutkan ramai orang tetapi beliau adalah satu-satunya (manusia) dalam sejarah yang sangat berjaya, baik dalam urusan dunia mahupun agama...**



Michael H. Hart, *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*, New York, 1978

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 1. Mempunyai Visi

Menurut pakar, Nabi mempunyai ciri-ciri pemimpin bervisi iaitu



## 2. Berintegriti

- Rasulullah digelar al-Amin
- Membina kepercayaan perlukan kepada proses yang mengambil masa (Trust is not built overnight)
- Integriti menyebabkan pemimpin mudah mendapat sokongan semua orang yang dipimpinnya.



25

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 3. Kepimpinan yang mendapat sokongan

- *Support is a force of success*
- Sokongan (baik) tidak sepatutnya diterima menerusi paksaan.
- Sokongan akan diterima dengan baik dan ikhlas apabila teladan yang baik ditunjukkan.

## 4. Komunikasi yang berkesan

- Nabi SAW seorang *communicator* yang santun, bijak, cerdas dan tegas.
- Baginda sentiasa tahu untuk menguruskan mereka yang berinteraksi dengan Baginda.
- Adakalanya Baginda mendominasi perbincangan, adakalanya Baginda menjadi pendengar yang setia.



26

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 5. Walk the Talk & Konsisten

- Firman Allah, *"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah – kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."* (As-Saff 2-3)
- Konsisten – iqtiqamah dalam melakukan kebaikan yang diyakininya sekaligus berani mengambil risiko.

## 6. Inisiatif & Trend setter dalam perkara kebaikan

- Inisiatif adalah tanda seseorang itu komited.
- *"Barangsiapa yang terlebih dahulu memulai kebaikan maka ia akan mendapat pahala daripada kebaikannya dan juga pahala daripada orang-orang yang mencontohi perbuatannya (HR Muslim)*

## 7. Teguh & Tegas dalam kebenaran

- Keteguhan pemimpin pada kebenaran merupakan 'alasan' para pengikut untuk mempercayai nilai-nilai yang mereka yakini agar terus diperjuangkan.
- Melalui keteguhan akan membuahkan kesetiaan.



27

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 8. Adil

- *"Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan..."* (Al-Hadid 25)
- Keadilan penanda pemimpin yang bijaksana

## 9. Bermusyawarah

- Musyawarah dapat memperkaya pengetahuan dan pemahaman, menghargai perbezaan dan mengeratkan hubungan dengan ahli.
- Ia adalah proses yang meningkatkan potensi akal untuk menghasilkan keputusan yang tepat hasil daripada pemikiran tuntas yang dicapai secara berjamaah.



28

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 10. Penghargaan & Hukuman (untuk tujuan pengajaran)

- Penghargaan mendorong peningkatan kualiti diri manakala hukuman mencegah undang-undang yang telah disepakati dari diingkari
- Tindakan untuk memberikan penghargaan atau melaksanakan hukuman harus didasari dengan niat yang baik.

## 11. Bijaksana

- Bijaksana bukan sekadar pintar atau cerdas, tetapi harus menggunakan akal budinya (pengalaman dan pengetahuan), tidak terburu-buru, belajar dari kesilapan, arif, tajam fikiran, pandai dan berhati-hati.
- Di dalam Islam, orang yang bijaksana tidak seharusnya mengharap pujian.



29

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 12. Pujian secara tepat dan bersesuaian

- Pujian seharusnya tulus, tidak berlebihan dan bersifat membina.
- "Berilah ruang untuk orang lain untuk berkembang, mereka akan bersama anda." –R.E. Herman

## 13. Ramah

*"Pemimpin sejati itu melayani. Melayani orang lain dan melayani kepentingan para pengikut. Melakukannya tidak akan selalu popular."* – Eugene B. Habeker, *the Soul of Leadership*, 1996

## 14. Menjaga Hak Umat

*"Orang yang terpelajar adalah yang memperoleh segala keinginan tanpa melanggar hak orang lain."* – Napoleon Hill, Motivator Amerika.




30



## Kepimpinan Kesarjanaan

### 15. Menolak fanatisme / dikultuskan oleh pengikut

- Fanatisme boleh merosakkan akidah.
- *“ Jiwa yang mulia tidak rela terhadap sesuatu kecuali yang paling tinggi, istimewa dan terpuji. Sedangkan jiwa yang hina akan berputar dalam lingkaran kehinaan, sehingga terjerumus di dalamnya seperti lalat yang jatuh dalam kotoran.”* – Ibnul Qayyim al-Jauziyah



31

## Kepimpinan Kesarjanaan

### 16. Penyelesai masalah umat

- *“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) penolong bagi sebahagian yang lain.”* (At-Taubah 71)
- Nabi SAW sendiri adalah *problem solver* untuk semua masalah ummah

### 17. Prihatin

*“Apabila pemimpin peduli terhadap yang dipimpin, mereka akan memberi lebih daripada sekadar kewajipan...”* –Alfred Adler, ahli psikologi Austria.



32



# Kepimpinan Kesarjanaan

## 18. Tidak berlebihan

*"The challenge of leadership is to be strong, but not rude; be kind, but not weak; be bold, but not bully; be thoughtful, but not lazy; be humble, but not timid; be proud, but not arrogant; have humor, but without folly."* – Jim Rohn, Motivator Amerika

## 19. Berani

- Pemimpin tidak boleh lemah.
- *"Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman."* (Ali Imran 139)



33

# Kepimpinan Kesarjanaan

## 20. Percaya pada Potensi Diri


- Setiap orang perlu ada rasa tanggungjawab untuk memimpin.
- Pemimpin pilihan Allah (Al-Anbiya' 73):

Mengabdikan kepada Allah sebagai satu-satunya tujuan kepemimpinan

Memberi petunjuk berdasarkan al-Quran

Menunaikan zakat sebagai simbol keperhatian

Menyeru kebaikan



34



# Syukur!

**Sekiranya terdapat sebarang persoalan,**

Anda boleh temui saya di:

- Emel: [zahazan@telagabiru.net.my](mailto:zahazan@telagabiru.net.my)
- FB: Ustaz Datuk Dr Zahazan Mohamed DPSM